

PENGENALAN

Falsafah memberi arah, khususnya dalam agama dan pendidikan. Mungkin boleh dikatakan bahawa tiada bidang yang lebih bernilai dan lebih praktikal daripada bidang falsafah. Kajian dalam bidang falsafah memberi panduan untuk memilih matlamat, kaedah dan tujuan di samping memberi prinsip-prinsip untuk kebenaran; bukan memberi jawapan yang tetap yang tidak dapat dipersoalkan atau diubah lagi.

KAEDAH FALSAFAH

Satu Cara Pemikiran Analisa

Dari tinjauan isi falsafah dalam bahagian yang lalu, kita tidak dapat benar-benar mendalami makna dan isi falsafah. Dengan itu, maka ada baiknya jika kita lanjutkan perbincangan mengenai falsafah sebagai suatu aktiviti. Kneller (1964) telah mencerakinkan aktiviti ini kepada tiga cara atau stail, iaitu:

- Cara falsafah spekulatif
- Cara falsafah preskriptif dan
- Cara falsafah analisa.

Falsafah Spekulatif

Cara falsafah yang pertama, iaitu falsafah spekulatif ialah cara pemikiran yang sistematik mengenai semua yang wujud. Oleh kerana fikiran manusia sentiasa ingin melihat semua perkara sebagai satu keseluruhan dan sentiasa ingin memahami bagaimana semua perkara yang telah ditemui membentuk satu

keseluruhan yang bermakna, maka ahli falsafah spekulatif tidak berhenti setakat menjumpai dan mengkaji sesuatu aspek realiti yang khusus sebagaimana yang diperbuat oleh pakar sains Malahan, dari perkara-perkara yang khusus yang telah dijumpai dan dikaji, falsafah spekulatif berusaha mencari satu susunan dalam satu keseluruhan yang kemudiannya dapat merangkumi semua pengetahuan. Cara falsafah spekulatif ini dapat dilihat dari perbuatan kita sehari-hari; contohnya apabila kita membaca sesuatu karangan, melihat sesuatu pemandangan yang indah atau menelaah untuk sesuatu peperiksaan, fikiran kita bukan sahaja tertumpu kepada perkara-perkara yang khusus, tetapi sentiasa mencari satu susunan atau corak yang telah meletakkan perkara-perkara khusus tersebut ke taraf kepentingan sendiri. Secara ringkas, falsafah spekulatif ialah usaha untuk mencari satu kesepaduan dan pertalian bagi semua pemikiran dan pengalaman.

Falsafah Preskriptif

Cara falsafah yang kedua iaitu falsafah preskriptif adalah berusaha untuk menetapkan standard untuk mempertimbangkan nilai, kelakuan dan seni. Perkara-perkara yang kita katakan baik dan buruk, salah dan betul, cantik dan hodoh, adalah dikaji terlebih dahulu sama ada kualiti tersebut wujud sebagai sifat semulajadi atau semata-mata projeksi fikiran kita sahaja. Dalam perbincangan seterusnya, kita akan mengkaji mazhab-mazhab ini.

MAZHAB FALSAFAH

Mazhab falsafah pendidikan yang penting ada lima iaitu:

- Mazhab idealisme
- Mazhab realisme
- Mazhab pragmatisme (eksperimentalisme)
- Mazhab eksistensialisme dan
- Mazhab analisa falsafah (analisa logik)

Bagi setiap mazhab falsafah, pendekatan dari sudut cabangan falsafah sama ada dari sudut cabang metafizik, epistemologi, aksiologi dan logik yang sering diperkaitkan dalam mazhab tersebut akan dibincangkan.

Mazhab Idealisme

Mazhab idealisme ialah satu-satunya sistem falsafah yang tertua sekali di dunia. Mazhab ini dapat dikesan sejak zaman India purba di timur dan sejak zaman Plato di barat. Premis asas yang dipegang oleh mazhab idealisme ini ialah kerohanian manusia itu adalah terpenting sekali dalam kehidupan. Alam sejagat pada hakikatnya bukanlah kebendaan. Kedua-dua ciri utama ini dapat diterima oleh semua pakar falsafah idealisme walaupun mereka ini sering bertentangan mengenai banyak perkara lain. Mazhab idealisme ini harus jangan dikelirukan dengan cita-cita tinggi seolah-olah cita-cita tinggi itu merupakan satu idea. Ini bukanlah sama dengan idealisme yang dimaksudkan oleh ahli falsafah. Dalam erti kata falsafah, idealisme ialah satu sistem yang menegaskan mustahaknya fikiran, jiwa dan kerohanian.

Seterusnya, dikemukakan pendekatan idealisme dari sudut cabang falsafah *metafizik*, *epistemologi* dan *aksiologi*.

Metafizik Idealisme.

Sebagaimana yang telah kita ketahui metafizik ialah mengenai realiti. Mengikut pemikiran mazhab *idealisme*, semua realiti dapat diperturunkan kepada satu perkara – kerohanian. Untuk memudahkan memahami makna kerohanian, maka kerohanian itu boleh dianggap sebagai ketiadaan kebendaan. Seterusnya, mengikut pemikiran mazhab *idealisme*, jirim adalah tidak benar atau tidak nyata; sebaliknya jirim adalah satu anggapan, iaitu satu dari pemikiran. Hanya fikiran sahaja yang benar atau nyata. Dengan jalan fikiran seperti ini, semua kebendaan yang kelihatan nyata seperti jirim dapat diperturunkan kepada fikiran dan kerohanian (*spirit*). Contohnya ialah kerusi yang anda sedang duduk sekarang; kerusi itu hanya kelihatan sahaja sebagai benda atau satu kebendaan, tetapi ia bukan kebendaan. Pada hakikatnya, kerusi itu ialah satu *spirit* atau kerohanian. Di tahap universal pula, fikiran yang tidak terhad tadi akan melahirkan fikiran yang terhad untuk hidup dalam dunia yang mempunyai tujuan. Dengan cara pemikiran seperti ini, dunia seolah-olah terdiri daripada fikiran yang tidak terhad atau terdiri daripada kerohanian yang bertujuan; iaitu merangkumi kesemuanya dan manusia boleh diumpamakan sebagai pecahan atau biasanya adalah dari sudut pemikiran mazhab falsafah (sama ada mazhab *idealisme*, *pragmatisme* atau *eksistensialisme*) yang akan dikaji setelah mengenali berbagai-bagai cabang falsafah pendidikan.

Epistemologi

Cabang falsafah pendidikan epistemologi mengkaji pengetahuan dan perihal mengetahui. Dengan itu, cabang falsafah pendidikan ini adalah berhubung rapat dengan kaedah pendidikan dan pembelajaran. Kajian epistemologi mempersoalkan perkara tersebut, “Apakah sumber-sumber pengetahuan?”; “Sejauh manakah sumber-sumber ini boleh dipercayai”; “Apakah yang dapat diketahui oleh seseorang?” dan “Apakah kebenarannya?”. Temuan dan rumusan yang dibuat untuk keperluan pendidikan, sebagaimana yang berlaku bagi cabang metafizik adalah berlandaskan pemikiran mazhab falsafah yang dipegang oleh pendidik tersebut.

Aksiologi

Cabang falsafah pendidikan aksiologi berusaha untuk menentukan apakah yang bernilai. Falsafah aksiologi ini dibahagikan kepada dua iaitu etika dan estetika. Bidang etika mengkaji nilai-nilai moral dan peraturan kelakuan yang betul manakala bidang estetika mengkaji nilai-nilai bagi kecantikan nilai dan seni. Kedua bidang pecahan aksiologi ini menyentuh pendidikan kerana guru, ibubapa dan seterusnya masyarakat sentiasa menggalakkan tingkahlaku yang selari dengan pengertian betul, baik dan cantik yang dipegang mereka. Persoalan betul, baik dan cantik ini berbeza-beza mengikut mazhab dan falsafah (sama ada mazhab idealisme, realisme, pragmatisme, eksistensialisme atau mazhab analisa falsafah) yang dipegang oleh pakar pendidikan tersebut.

Logik

Cabang falsafah pendidikan jenis logik ialah mengenai keperluan pemikiran yang betul dan yang dipercayai. Dengan itu, logik mengkaji peraturan membuat kesimpulan yang membolehkan kita meletakkan cadangan dan hujah-hujah perbincangan dengan cara yang betul. Logik yang biasa digunakan ialah logik deduktif dan logik induktif. Logik deduktif ialah cara membuat kesimpulan dari pernyataan yang am hingga ke perkara dan kegunaan khusus dan cara ini sering diperkaitkan dengan mazhab falsafah idealisme dan realisme. Logik induktif pula ialah cara membuat kesimpulan sebaliknya iaitu dari perkara dan kejadian khusus yang kemudian membawa ke sesuatu generalisasi am yang tentatif. Oleh kerana generalisasi yang dibuat adalah tentatif, maka ia sentiasa terbuka luas kepada persoalan sama ada ia betul atau tidak. Cara membuat kesimpulan dengan cara logik induktif ini sering diperkaitkan dengan mazhab falsafah idealisme dan realisme.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, cabang falsafah yang diturunkan di atas adalah cabang atau bidang yang sedia ada. Pengertian, pemikiran dan penggunaannya untuk pendidikan ditentukan oleh mazhab falsafah (sama ada mazhab idealisme atau cebisan fikiran tersebut.) Oleh kerana manusia ialah pecahan atau cebisan fikiran-fikiran tersebut. Oleh kerana manusia ialah sebahagian daripada alam sejagat yang bertujuan seperti ini, maka manusia dapat diperkatakan sebagai makhluk yang cerdik dan mempunyai tujuan.

Epistemologi Idealisme. Ahli falsafah idealisme percaya bahawa semua pengetahuan adalah bebas daripada deria. Perihal mengetahui ialah satu perkara yang hanya berlaku dalam fikiran. Dengan hal yang demikian, fikiran sentiasa aktif dan fikiran pun terdiri

daripada kebolehan menjadi untuk mengurus dan menggabungkan data yang datang dari deria. Di samping itu, manusia juga dapat mengetahui secara intuitif juga, iaitu dapat mengetahui kebenaran terus-menerus tanpa menggunakan derianya, manusia pun dapat mengetahui kebenaran dengan cara penaakulan; iaitu apabila ia mengkaji kekukuhan ideanya. Setengah ahli falsafah idealisme seperti Plato percaya bahawa semua pengetahuan adalah ingatan kembali fikiran semata-mata. Mengikut Plato, semua perkara yang diketahui manusia sudah sedia terkandung dalam kerohanian atau *spirit*nya. Ahli falsafah idealisme objektif, seperti Plato, berpendapat bahawa idea itu ialah intisari dan yang wujud bebas. Ahli falsafah idealisme subjektif pula seperti George Berkeley, berpendapat bahawa manusia hanya dapat mengetahui perkara-perkara yang dilihat, dirasa dan diertikan olehnya (manusia) sahaja. Mengikut George Berkeley lagi, pengetahuan manusia ialah setakat fikiran dasarnya, setiap rangsangan yang diterima oleh fikiran adalah daripada Tuhan. Tuhan ialah *spirit* yang tidak mempunyai batasan.

Aksiologi idealisme. Pada amnya, ahli falsafah idealisme berpendapat bahawa semua nilai berpunca daripada Tuhan yang dipercayai oleh seseorang individu atau berpunca daripada sesuatu kuasa semulajadi. Mereka bersetuju juga bahawa nilai ialah perkara luar. Ahli falsafah idealisme theistik (yang mempercayai Tuhan) menegaskan bahawa nilai-nilai luar ini ada pada Tuhan. Baik dan jahil, cantik dan buruk, diketahui hanya setakat idea baik dan idea cantik tersebut, sejajar dengan perihal baik dan cantik yang muktamad yang ada pada Tuhan. Ahli falsafah idealisme pantheistik pula memperkaitkan Tuhan dengan alam semulajadi. Mengikut mereka, nilai ialah muktamad dan dengan itu nilai tidak berubah kerana nilai adalah sebahagian daripada peraturan semulajadi yang sudah ditetapkan.

Mazhab Realisme

Sama seperti ahli falsafah idealisme, mazhab realisme ini menegaskan pengetahuan dan nilai yang objektif juga; tetapi pandangan mereka terhadap metafizik dan epistemologi amat berlainan. Sebagai pengenalan, yang berikut ialah tiga doktrin yang mengasaskan realisme:

1. Ada sebuah dunia yang mempunyai kewujudan benar yang belum ditemui oleh manusia.
2. Kewujudan benar ini dapat diketahui oleh fikiran manusia.
3. Pengetahuan seperti ini sahajalah yang dapat memberi panduan yang boleh dipercayai mengenai kelakuan, individu dan sosial.

Takrif di atas merupakan titik permulaan yang mengenali mazhab realisme terhadap cabang falsafah metafizik, epistemologi dan aksiologi.

Metafizik Realisme. Mengikut mazhab realisme, dunia ini terdiri daripada entiti atau keseluruhan yang benar, nyata dan kebendaan. Dalam tabii kebendaan terdapat undang-undang semulajadi yang menentukan dan yang mengawal kewujudan tiap-tiap entiti dalam dunia semulajadi tersebut.

Epistemologi Realisme. Bagi mazhab realisme, fikiran manusia adalah kosong apabila manusia dilahirkan. Setelah dilahirkan dan sepanjang hayat hidupnya, berbagai-bagai rasa dan perasaan tertanam di dalam otaknya. Inilah cara manusia belajar. Dengan kata lain, pengetahuan diperolehi daripada pengalaman rasa dan perasaan. Walaubagaimana pun, manusia masih dapat mempergunakan pengetahuan daripada pengalaman rasa dan perasaan ini dengan menggunakan daya taakulannya untuk

menemui objek dan perhubungan-perhubungan yang tidak dapat dirasainya. Bahawa perkara ini demikian dapat dibuktikan dengan fikiran biasa, kerana dengan fikiran biasa, kita dapat menunjukkan bahawa adalah munasabah yang sesuatu objek itu wujud bebas daripada fikiran seseorang manusia dan dapat menemui objek atau benda-benda ini dengan menggunakan derianya. Walaupun realiti itu kebendaan, ujian kebenaran bagi ahli falsafah realisme ialah sama ada usul dalam fikiran adalah selaras dengan objek yang kebendaan atau dengan keadaan luar fikiran. Dengan itu, jika dengan penaakulan, seseorang itu membuat kesimpulan bahawa A adalah sama dengan B, maka usul ini hanya benar jika A adalah sama dengan B dalam dunia kebendaan.

Aksiologi Realisme. Dengan urutan fikiran seperti di atas, dapat dikatakan bahawa mengikut mazhab realisme, apa jua yang selari dengan semulajadi adalah yang bernilai. Tara atau *standard* bagi sesuatu nilai ditentukan dengan cara penaakulan. Walaubagaimana pun, sesuatu pertimbangan nilai tidak dapat dikatakan sebagai fakta; pertimbangan tersebut ialah satu pertimbangan subjektif berdasarkan perasaan. Nilai seseorang individu yang dapat diterima adalah nilai yang tidak bertentangan dan dapat diterima oleh masyarakat. Pendapat masyarakat itu dan oleh kerana realiti masyarakat mewakili kebenaran yang ada disitu, iaitu bukan fikiran semata-mata, maka ia berguna sebagai satu tara atau *standard* untuk menguji nilai seseorang individu.



Mazhab Pragmatisme (atau Eksperimentalisme)

Berbanding dengan pendapat-pendapat yang tradisional mengenai falsafah yang telah dibincangkan setakat ini, mazhab falsafah pragmatisme merupakan falsafah pendidikan yang berdasarkan perubahan, proses, relativiti dan pembinaan kembali. John Dewey sangat terkenal dalam mazhab falsafah pragmatisme ini dan beliau banyak telah menulis karya mengenai subjek ini. John Dewey telah menggunakan istilah 'organisme' dan 'persekitaran dalam pendidikan'. Berhubung dengan itu, mengikut falsafah pragmatisme, manusia ialah organisme sosial dan kaji hayat yang mempunyai daya tenaga dan gerak hati untuk hidup dan untuk menambah tumbesaran dan perkembangannya. Semua organisme hidup dalam sesuatu habitat atau persekitaran. Dalam proses hidup ini, manusia mengalami masalah yang mengancam kehidupannya atau mengganggu aktiviti. Untuk berjaya, manusia harus dapat menyelesaikan masalah ini dan dalam pada itu menambah kebolehannya menyelesaikan masalah khusus tadi ke dalam pengalamannya. Dalam falsafah pragmatisme, pengalaman ialah perkara utama. Di sini pengalaman boleh ditakrifkan sebagai interaksi organisme manusia dengan persekitarannya. Oleh kerana hidup bergantung kepada kebolehan menyelesaikan masalah, maka tidak hairan, mengikut mazhab pragmatisme **bahawa pendidikan ialah penanaman kebolehan dan kaedah menyelesaikan masalah.**

Metafizik Pragmatisme. Semua ahli falsafah pragmatisme dan eksperimentalisme menolak *metafizik* sebagai satu bidang falsafah yang sah. Mengikut ahli falsafah pragmatisme, **realiti ditentukan oleh pengalaman deria seseorang individu.** Dengan cara fikiran seperti ini, manusia tidak dapat mengetahui sesuatu yang tidak ada dalam pengetahuannya. Oleh itu persoalan seperti hakikat semulajadi manusia yang muktamad dan persoalan ini terkeluar jauh daripada pengalaman manusia.

Contohnya ialah persoalan mengenai adanya hidup selepas mati. Mengikut pendapat mazhab pragmatisme, tidak seorang pun yang masih hidup dapat menjawab soalan ini, kerana ia tidak mengalami hidup setelah mati apabila ia sedang hidup dan masih belum mati. Segala kesimpulan mengenai persoalan hidup setelah mati adalah tekaan semata-mata. Selagi manusia tidak dapat mengalami kejadian yang dipersoalkan, maka kesimpulan yang dibuat mengenai masalah tersebut tidak dapat disahkan. Dengan itu ahli falsafah pragmatisme dan eksperimentalisme berpendapat ahli falsafah lain yang cuba mempersoalkan perkara seperti ini adalah membuang masa semata-mata kerana kesimpulannya tidak bermakna disebabkan cara memperolehi kesimpulan itu adalah sama juga dengan permainan teka meneka.

Epistemologi Pragmatisme. Ahli falsafah mazhab pragmatisme menolak dualisme yang mengasingkan persepsi pemerhati dengan objek diperhatikan atau yang dirasai. Manusia adalah dalam dunia persepsinya dan adalah dari dunia persepsinya juga. Semua yang dapat diketahui adalah berdasarkan pengalaman. Perihal mengalami kejadian atau fenomena seperti ini menentukan pengetahuan. Oleh kerana kejadian atau fenomena sentiasa berubah, maka pengetahuan dan seterusnya kebenaran harus juga berubah. Kebenaran ialah sesuatu yang berlaku kepada sesuatu idea. Apa jua yang diperkatakan benar kini harus dianggap berkemungkinan berubah esok. Bukan sahaja masa, keadaan pun dapat mengubah kebenaran.

Aksiologi pragmatisme. Mengikut mazhab pragmatisme, nilai lahir daripada keadaan manusia. Oleh kerana manusia ialah sebahagian masyarakat, maka akibat daripada tindakannya sama ada baik atau buruk kepada masyarakat, bergantung kepada kesannya. Jika akibatnya menunjukkan kesan yang berguna kepada masyarakat, maka nilai tindakan tersebut telah dibuktikan sebagai baik. Dengan fahaman seperti ini, maka

nilai dalam etika dan estetika bergantung kepada keadaan dan situasi yang timbul secara relatif. Pada hakikatnya, nilai tidak dapat wujud, kerana kebenaran itu sentiasa relatif dan tertakluk kepada sesuatu. Namun demikian, pertimbangan mengenai nilai amatlah berguna sebagai usaha ke arah kehidupan yang cerdik dan yang berjaya, produktif serta bahagia.

Mazhab Eksistensialisme

Mazhab falsafah eksistensialisme adalah mazhab yang agak baru yang memasuki dunia falsafah. Ia menjadi popular dalam dunia falsafah kira-kira selepas Perang Dunia Kedua. Maka dapat diperkatakan bahawa fahaman eksistensialisme mewakili perasaan cemas, tetap mengandungi unsur harapan juga. Ciri utama yang membezakan mazhab falsafah eksistensialisme dengan falsafah lain ialah ahli falsafah eksistensialisme menolak semua label yang mengkategorikan mereka ke sesuatu golongan falsafah. Namun demikian, ada terdapat juga beberapa perkara penting dan beberapa perkara yang sama yang dapat diterima oleh semua ahli falsafah eksistensialisme dan hal ini telah mencorakkan satu fahaman di bawah nama eksistensialisme.

Metafizik Eksistensialisme. Mengikut pendapat mazhab ini, realiti ialah sesuatu kewujudan individu. Kewujudan mendahului sari-pati dalam perkembangan individu: seseorang itu wujud dan kemudian menjadi. Seseorang manusia itu wujud dalam dunia yang tanpa tujuan dan oleh sebab itu, maka hidup adalah tanpa makna. Perkara yang penting dalam hidup terdapat dalam erti kata kebebasan – iaitu manusia bebas membuat pilihan. Pilihan dan komitmen yang dibuat oleh seseorang individu menentukan yang ia akan menjadi dan berkembang sebagai individu. Inilah sari-pati bagi dirinya (atau *essence*), yang sentiasa menjadi (iaitu berkembang sebagai seseorang individu). Apabila seseorang

individu itu sedar mengenai identitinya sebagai seorang individu, ia sedar bahawa hakikatnya dirinya bergantung kepada perkara lain (iaitu kewujudannya bukanlah terdiri daripada dirinya sendiri dan ia akan mati), maka ia akan kecewa, rasa pedih dan keseorangan. Dalam pada itu, hanya manusia yang keseorangan dalam jagatan yang tidak mempedulikannya, dapat dan harus memilih perkara yang penting dan bermakna bagi dirinya.

Epsistemologi Eksistensialisme. Seseorang itu hanya mengetahui melalui pengalamannya. Namun demikian, ada beberapa tahap pengalaman. Seseorang itu dapat dikatakan berada di tahap pengalaman yang tertinggi sekali – iaitu tahap kesedaran – apabila ia sedar mengenai kewujudan benda dan manusia itu sendiri. Kebenaran adalah sentiasa *relative* mengikut pertimbangan seseorang. Dengan hal yang demikian, kebenaran yang muktamad tidak wujud. Setiap manusia harus menentukan apa yang benar dan yang penting bagi dirinya sendiri.

Aksiologi Eksistensialisme. Bagi mazhab falsafah eksistensialisme, kewujudan merupakan nilai asas bagi seseorang individu. Dengan itu, semua nilai tidaklah muktamad dan tidak ditentukan oleh kriteria luar. Nilai yang penting bagi seseorang individu itu harus jangan menurut dan mematuhi norma nilai sesuatu masyarakat semata-mata; jika masyarakat atau institusi masyarakat dibenarkan memaksa sesuatu nilai, maka manusia akan hilang sifat ketulenan (*authenticity*) dan kemanusiaan. Kebebasan manusia memerlukan seseorang manusia memilih segala komitmennya secara bebas; inilah yang memberinya kepentingan dan makna bagi dirinya dan ini juga adalah punca tanggungjawab moral dan sosial. Dengan kata lain, nilai ialah perkara yang *personal* dan individu.

Mazhab Analisa Falsafah (Atau Analisa Logik)

Mazhab analisa falsafah atau analisa logik yang sebenarnya bukanlah satu mazhab falsafah yang berusaha membina sistem falsafah. Malahan, mazhab falsafah ini menolak falsafah tradisional, seperti idealisme dan realisme yang menyatakan bahasa manusia adalah sebahagian sistem jagatan. Kesimpulan yang dibuat oleh mazhab tradisional seperti idealisme dan realisme ini, mengikut mazhab analisa falsafah adalah tekaan semata-mata dan tidak membawa makna bagi pendidik. Walaupun demikian, mazhab analisa falsafah ini tidak pula bersetuju dengan mazhab eksistensialisme. Mengikut analisa falsafah, kata-kata eksistensialisme itu adalah puisi dan beremosi semata-mata.

Mazhab analisa falsafah atau analisa logik meliputi semua fahaman falsafah yang menegaskan bahawa pada dasarnya fungsi falsafah ialah menganalisa logik dan linguistik (atau bahasa). Perkataan analisa falsafah atau analisa logik merangkumi fahaman yang pernah juga dikenali sebagai 'positivisme logis', 'empirisme logis', 'analisa Oxford', 'operasionisme' dan 'pragmatisme moden'. Pada dasarnya, mazhab ini ialah satu kaedah untuk mengkaji bahasa yang digunakan untuk membuat pernyataan mengenai pengetahuan, pendidikan dan persekolahan dan berusaha juga menerangkannya dengan memberi makna kepada perkara-perkara yang dikajinya. Mazhab ini telah mendapat sambutan daripada ahli falsafah pendidikan yang kini berpendapat bahawa cara kita menurunkan perkara-perkara pendidikan kian bertambah membingungkan dan tidak jelas. Untuk menentukan makna, ahli falsafah analisa logik atau analisa falsafah berusaha menurunkan pernyataan mengenai pendidikan kepada perkataan yang berdasarkan pengalaman dan penelitian.

Metafizik Analisa Falsafah. Mengikut mazhab analisa falsafah, realiti ialah apa yang diketahui, iaitu apa yang dapat disahkan oleh pengalaman. Segala persoalan mengenai perkara yang terkeluar daripada yang diketahui bukanlah bidang persoalan falsafah yang sempurna. Dengan hal yang demikian, mempersoalkan perkara yang terkeluar daripada yang diketahui amat sia-sia dan membuang masa. Sebaliknya, realiti harus berdasarkan pengalaman dan penelitian manusia. Manusia harus dibezakan daripada organisme lain yang mewakili haiwan kerana berbanding dengan haiwan manusia dapat berfikir dan belajar dengan mendalam. Dalam hal ini, pembelajaran manusia sangatlah kompleks, kerana manusia dapat menerima dan memahami berbagai-bagai tingkah laku dan bahasa yang terdiri daripada banyak simbol. Penggunaan bahasa dapat mewakili, menghuraikan dan meyakinkan fikiran seseorang individu dan juga manusia lain. Manusia pun dapat berfikir secara kritikal. Penggunaan simbol pula amat berguna kerana simbol tersebut dapat diberi makna dan pengertian mengenai perkara yang disampaikan. Maka dengan menggunakan bahasa dan simbol, manusia yang kritikal fikirannya dapat membuat penelitian mengenai perkara yang diketahui iaitu perkara yang dapat disahkan oleh pengalaman.

Epistemologi Analisa Falsafah. Ahli falsafah mazhab analisa falsafah menegaskan bahawa kaedah falsafah harus sama dengan kaedah sains. Sesuatu perkara itu hanya diketahui melalui pengalaman, yang kemudiannya harus mengesahkan kebenaran yang dicari. Sikap ahli sains yang berfikiran terbuka, objektif dan berfikir secara kritikal amat diperlukan untuk pemikiran yang betul. Fungsi penaakulan seperti ini ialah fungsi utama manusia berbanding dengan haiwan lain.

Aksiologi Analisa Falsafah. Semua nilai adalah relatif kepada keperluan seseorang manusia dan kepada kemanusiaan. Nilai

sosial seperti keadilan dan kesediaan membuat kebajikan adalah perkara semulajadi yang berlaku di antara manusia. Dengan cara pemikiran seperti ini, maka kerajaan yang berlandaskan demokrasi dapat memberi peluang yang terbaik sekali untuk perkembangan individu kerana interaksi antara manusia dalam kerajaan tersebut adalah yang paling terbuka dan bebas. Dengan itu, kerajaan yang demokratik ialah peraturan politik yang paling baik untuk perkembangan nilai.

Dari kajian mengenai berbagai-bagai cabang falsafah dan berbagai-bagai mazhab falsafah maka dapat disimpulkan perkara-perkara penting yang mewakili cabang falsafah dan mazhab falsafah tersebut sebagaimana yang disediakan dalam jadual berikut. Nyatakan dengan faedah atau cara pemikiran falsafah yang berbagai-bagai dan berbeza-beza itu, kajian falsafah pendidikan akan bertambah luas, mendalam dan kompleks. Dalam pada itu, pemikiran mengenai pendidikan akan menjadi lebih kritikal dan analisis kerana cara pemikiran falsafah memaksa hakikat ini.

RUMUSAN

Dalam perbincangan mengenai falsafah-falsafah umum tadi, kita telah membincangkan falsafah-falsafah tersebut mengikut mazhab. Tujuannya ialah supaya memudahkan kita memahami dengan lebih jelas lagi falsafah-falsafah tersebut. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, terdapat beberapa pandangan daripada setiap mazhab tersebut yang bertindih di antara satu dengan yang lain.

FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan sama ada dalam masyarakat Barat ataupun Islam, bertujuan untuk menyebarkan pengalaman dan kebudayaan manusia daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Dalam pendidikan Islam penyebaran pengalaman ini boleh dibahagikan kepada dua kategori: pengalaman dalam bentuk kemahiran serta pengetahuan teknikal yang keadaannya berasaskan nilai-nilai yang tetap yang terdapat dalam agama. Pengalaman ini tidak berubah dan boleh didapati daripada Al-Quran dan As-Sunnah.

Keadaan sebenar sesuatu sistem pendidikan dan perbezaannya daripada sistem-sistem yang lain yang boleh difahami dengan jelas hanya apabila konsep mengenai manusia yang mendasari sistem tersebut dianalisis dan dikaji. Dalam perkara apakah konsep Islam mengenai manusia berbeza daripada konsep-konsep lain dan sejauh manakah ia dicerminkan di dalam sistem pendidikan yang kita katakan bercorak Islam?

Perkara pertama yang perlu diingat ialah Islam tidak berpegang kepada teori kesalahan asal sepertimana yang diutarakan oleh realisme keagamaan. Islam tidak mempercayai bahawa manusia, pada dasarnya, telah bersalah dan menghabiskan seluruh hidupnya untuk memperbaiki kesalahannya. Cerita mengenai kesalahan Nabi Adam A.S. kerana hasutan iblis adalah sebahagian daripada warisan bersama Islam dan Kristian, tetapi Islam tidak menganggap kesalahan tersebut akan terus diwarisi keturunannya. Sebaliknya Islam menganggap kanak-kanak seperti datuk neneknya dilahirkan dalam keadaan suci, bersih dan terserah kepada alam sekeliling untuk mencorakkan penghidupannya sama ada baik atau sebaliknya.

Di dalam Al-Quran manusia digambarkan sebagai khalifah Allah S.W.T. Tugas khalifah ini pernah ditawarkan kepada makhluk-makhluk lain memikunya tetapi mereka menolaknya. Manusia walaupun bersifat zalim dan jahil sanggup memikunya. Dari segi status, manusia adalah hamba Allah seperti makhluk-makhluk yang lain. Oleh itu, pada hakikat semulajadinya, manusia patuh mengabdikan dirinya kepada Allah. Dan bumi ini diperuntukkan oleh Allah kepada manusia untuk memakmurkannya.

Allah S.W.T. juga memberi kepada manusia akal dan pengetahuan yang perlu digunakan dalam menghambakan diri kepada-Nya. Pemberian Tuhan ini membuatkan manusia bertanggungjawab kepada-Nya di atas segala tindakan yang dilakukannya, sama ada yang penting ataupun tidak penting.

Sekarang dapatlah dikatakan pendidikan menurut Islam adalah sebenarnya penghayatan manusia untuk melaksanakan tugasnya sebagai khalifah Tuhan di muka bumi ini dalam keadaan manusia itu tunduk dan patuh kepada perintah Tuhannya sesuai dengan status sebagai hamba. Oleh kerana manusia dicipta dengan sifat serba kekurangan seperti zalim, lalai, ingkar, pelupa dan sebagainya. Maka sudah semestinya manusia berhajat kepada bimbingan Allah supaya sifat-sifat ini diganti dengan usaha-usaha memperbaiki diri dengan sifat-sifat kesempurnaan sebagai manusia beriman oleh manusia adalah proses pendidikan dalam Islam.

DASAR-DASAR PENDIDIKAN ISLAM

Menurut Hassan Langgulung (1979), perkara-perkara yang menjadi dasar Pendidikan Islam ialah (1) keesaan Tuhan (Tauhid); (2) kepercayaan kepada pesuruh-pesuruh yang diangkat oleh Tuhan di antara bangsa-bangsa di dalam dunia ini; (3)

kepercayaan kepada wahyu-wahyu Tuhan kepada Nabi-nabi; (4) manusia semulajadi tidak berdosa dan mempunyai potensi yang tidak terbatas dalam perkembangan moral dan kerohanian; (5) setiap orang bertanggungjawab terhadap tindakannya sendiri; (6) kehidupan sesudah mati; dan (7) persamaan dan persaudaraan sejagat antara semua umat Islam.

Perkara-perkara ini telah tertulis di dalam Al-Quran yang telah diakui keasliannya. Setiap orang mesti mempercayai perkara-perkara ini sebelum dia disebut beriman, berpengetahuan, berakhlak tinggi dan beramal soleh. Ini seterusnya akan menghasilkan suatu masyarakat yang hidup dengan harmoni, menghormati dan bekerjasama di antara satu sama lain.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa pendidikan Islam hanya tertumpu kepada kerohanian semata-mata. Pendapat seperti ini adalah salah kerana Islam tidak menghalang umatnya mempelajari bidang-bidang ilmu pengetahuan yang lain. Malah kedua-duanya saling berguna untuk yang lain. Dalam Islam, seseorang yang hanya berilmu tetapi tidak mempunyai matlamat kerohanian, mungkin tidak memberi banyak faedah kepada masyarakat. Pengetahuan yang terpisah daripada keimanan merupakan pengetahuan tidak sepenuhnya dan ia mungkin boleh dikatakan sebagai suatu jenis kejahilan yang baru. Disamping itu, tidaklah termasuk dalam ajaran Islam, orang yang berpengetahuan tetapi tidak mengamalkannya. Misalnya, bukanlah termasuk dalam ajaran Islam, orang yang bertakwa di masjid sedangkan dia menipu orang di luar masjid atau dia berpura-pura bersifat zuhud dan taqwa tetapi mabuk dan berjudi secara diam-diam. Begitu juga tidak termasuk ajaran Islam jika sekelompok manusia hidup berfoya-foya dan memperlak orang lain sedangkan kelompok lain hidup miskin dan papa tanpa sesuatu untuk mengisi perutnya.

Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa matlamat terakhir pendidikan Islam ialah untuk melengkapkan setiap individu manusia dengan pengetahuan Islam supaya dia dapat hidup sebagai seorang yang beriman, berakhlak tinggi, berpengetahuan dan beramal soleh. Disamping itu, pengetahuan itu juga dapat menyedarkan manusia tentang tugas utamanya sebagai khalifah Allah dan juga tarafnya sebagai hamba Allah di muka bumi ini.

Menurut Kurshid Ahmad (1974), pendidikan menurut pandangan Islam mestilah dapat melahirkan manusia yang mempunyai pendirian serta keyakinan yang kukuh terhadap idealisme Islam. Ia harus membentuk dalam dirinya satu "pendekatan Islamiyah" supaya ia dapat mengukir jalan hidup di bawah prinsip sinar cahaya Islam. Dari huraian di atas dapatlah dirumuskan matlamat pendidikan Islam sebagai untuk melahirkan manusia ta'abbudi, iaitu manusia yang meletakkan segenap hidupnya kepada mencari keredhaan Allah S.W.T. dan melahirkan manusia yang bercita-cita tinggi dengan menjadi Al-Falah sebagai tujuan hidup. Sebuah sistem pendidikan yang berdasarkan kepada penyatuan akidah dan syariah sudah sewajarnya dapat mengimbangi antara tuntutan dunia dan akhirat (Ghazali Basri, 1982).

SKOP DAN BIDANG PENDIDIKAN ISLAM

Dari perbincangan tadi, jelaslah kepada kita bahawa skop pendidikan Islam adalah luas dan menyeluruh. Ia tidak hanya memberi perhatian kepada pembinaan otak semata-mata (seperti fahaman idealisme) dan menekan aspek alam sekeliling dan ransangan sahaja (seperti fahaman realisme) tetapi ia berusaha untuk membentuk individu manusia yang beriman, berakhlak tinggi dan beramal soleh. Ini menunjukkan skop pendidikan Islam luas dan mencakup perkara-perkara seperti pendidikan tauhid, pendidikan akal, pendidikan kesihatan, pendidikan akhlak,

pendidikan akidah, pendidikan emosi, pendidikan estetika dan pendidikan sosial. Dengan skop yang luas ini, pendidikan Islam mampu melahirkan seorang individu muslim yang menyeluruh dan seimbang untuk hidup di dunia dan di akhirat.

PEMBENTUKAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

Berlandaskan perbincangan di atas, kita dapat membentuk satu kurikulum pendidikan Islam. Perkara yang perlu didahulukan dalam kurikulum tersebut ialah pengajaran Al-Quran, Hadis dan juga bahasa Arab dan cabang-cabangnya. Bahasa Arab dianggap penting kerana dengan penguasaan bahasa tersebut seseorang itu dapat mendalami dan menghayati pengajaran Al-Quran dan Hadis. Ini kerana kedua-dua kitab tersebut di tulis dalam bahasa Arab.

Perkara kedua ialah bidang ilmu yang meliputi kajian tentang manusia sebagai individu dan juga sebagai anggota masyarakat. Menurut istilah moden hari ini, bidang ilmu ini dikenali sebagai kemanusiaan (al-ulum al-insaniyah). Bidang-bidangnya termasuklah psikologi, sosiologi, sejarah, ekonomi dan lain-lain yang berkaitan. Perkara ketiga dan terakhir ialah bidang ilmu mengenai alam tabii atau sains natural (al-ulum al-kauniyah), yang meliputi bidang-bidang seperti astronomi, biologi, botani dan lain-lain yang berkaitan. Ketiga-tiga perkara tersebut tidak berpisah antara satu sama lain, tetapi sebenarnya berkait di antara satu sama lain apabila dipelajari. Pemisahan ketiga-tiga perkara tersebut akan melahirkan keadaan sistem pendidikan sepertimana yang diamalkan dalam sistem pendidikan sekular. Dari segi pelaksanaannya, kurikulum pendidikan Islam ditentukan oleh konsep pendidikan umum yang mana dasarnya diisi dengan mata pelajaran bagi perkara utama tadi (Al-Quran, Hadis dan Bahasa Arab). Ini diikuti oleh bidang-bidang ilmu

bagi perkara kedua dan ketiga sebagai pengkhususan. Pelajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini mestilah berkait dengan perkara pertama yang telah dipelajari.

Syed Muhammad Naguib al-Attas (1980) membahagikan pengetahuan kepada dua jenis, iaitu pengetahuan yang diberikan oleh Allah S.W.T. dan pengetahuan yang diperolehi atau diusahakan oleh seseorang. **Walau bagaimanapun dalam Islam semua jenis pengetahuan datang daripada Tuhan.** Oleh kerana jenis pengetahuan yang pertama adalah sangat penting untuk membimbing manusia mentaati Penciptanya, maka adalah wajib dan perlu dipelajari oleh setiap orang Islam.

Pengetahuan tersebut dikatakan *fardu ain* dan ini meliputi mentafsir dan menta'wil Al-Quran; Sunah iaitu mempelajari tentang kehidupan Nabi Muhammad S.A.W. dan nabi-nabi sebelum baginda dan juga hadis-hadis nabi; Syariat iaitu mempelajari hukum-hukum dan undang-undang Islam dan juga prinsip-prinsip dan amalan Islam; Tauhid, iaitu mempelajari tentang keesaan, sifat, nama dan tindakan Tuhan; Al-tasawuf, meliputi psikologi, antologi atau metafizik dan sebagainya; dan akhir sekali bahasa Arab.

Pengetahuan jenis kedua, yang meliputi rasional, intelektual dan sains-sains falsafah adalah wajib kepada beberapa orang Islam sahaja. Ini dikatakan *fardu kifayah*. Pengetahuan jenis kedua ini termasuklah sains kemanusiaan, sains natural, sains gunaan dan sains teknologi. Setiap bidang ilmu pengetahuan ini mesti dipelajari berserta dengan pandangan Islam mengenainya. Dengan cara ini, kita dapat menyatukan pengetahuan tersebut dengan ajaran Islam.

PENUTUP

Daripada perbincangan di atas, kita dapat rumuskan pendidikan Islam bertujuan untuk membentuk setiap individu Islam yang beriman, berakhlak tinggi, berpengetahuan dan beramal soleh atau dengan kata lain insan yang sempurna (al-insan al-kamil). Pendidikan Islam bertujuan untuk membentuk seorang rakyat yang baik dalam negara sekular. Sistem pendidikan Islam mencerminkan individu manusia dan bukan negara. Dengan cara ini seorang individu yang terdidik akan menjadi model yang dapat dicontohi oleh ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat umum. Disamping itu, pendidikan Islam juga menyatukan di antara pendidikan ilmu keduniaan dengan ilmu akhirat. Ini berbeza daripada sistem pendidikan barat atau sekular yang memisahkan di antara kedua-dua bidang ilmu tersebut. Akibatnya wujudlah seorang individu yang berpengetahuan dalam bidang tertentu tetapi tidak berbudi bahasa atau tidak beriman kepada Tuhan. Islam juga menolak pandangan yang hanya mementingkan alam kerohanian semata-mata dan mengenepikan alam kebendaan. Bagi Islam, kedua-duanya mesti diutamakan demi untuk menjadi seorang yang berbahagia di dunia di samping mengejar kehidupan yang sempurna di akhirat kelak. Oleh sebab itulah dalam kurikulum pendidikan Islam, perkara-perkara yang berkaitan dengan keagamaan wajib dipelajari oleh setiap orang Islam dan di samping itu mempelajari bidang-bidang ilmu keduniaan yang lain.

Lampiran I

Umumnya nilai atau penggunaan Ilmu Falsafah adalah seperti berikut:-

- i. Mempelajari ilmu falsafah menambahkan pengetahuan seseorang itu mengenai dirinya dan alamnya.
- ii. Kandungan ilmu falsafah menunjukkan dan mengacuankan tingkah laku individu, komuniti dan Negara.
- iii. Selain daripada menumpukan perhatian terhadap maklumat fakta dan sains, falsafah memberi tumpuan yang khusus terhadap nilai. Falsafah tidak menggalurkan secara mutlak mengenai nilai tetapi mencadangkan teori-teori mengenai nilai. Tambahan kepada itu ilmu falsafah menunjukkan cara-cara menilai mengkritik teori-teori berkenaan dalam usaha mencari pengertian dan nilai mengenai hidup manusia.
- iv. Ilmu falsafah melatih seseorang itu menjauhi sudut pandangan yang sempit dan serong. Ilmu falsafah mengemukakan berbagai-bagai perspektif untuk melihat dan mencari kebenaran sesuatu fenomena.
- v. Ilmu falsafah menggalakkan seseorang individu itu sendiri berfikir. Individu dilatih mengelakkan cara berfikir secara membuat yang hanya mencontohi dan meniru jawab yang disediakan oleh orang lain.
- vi. Ilmu falsafah memberi pandangan untuk menyelidiki berbagai hipotesis mengenai tujuan hidup (individu) dan wujudnya kosmos.
- vii. Ilmu falsafah memberi panduan untuk mengkaji pengertian dan tafsiran pengalaman-pengalaman manusia khususnya mengenai kepercayaan keagamaan.

Lampiran II

Jadual berikut menunjukkan rumusan bagi setiap mazhab dengan cabang falsafah umum:

Rumusan Mazhab-mazhab Falsafah Umum

Nilai				
	Realiti	Kebenaran	Etika	Estetika
Idealisme	Alam	Kebenaran	Menuruti Yang	Pencerminan
	fikiran	sebagai idea	Maha Berkuasa	keunggulan
Realisme	Alam	Kebenaran	Hukum-hukum	Pencerminan
	kebendaan	sebagai fakta yang boleh dilihat	tabii	tabii
Pragmatisme	Alam Pengalaman	Kebenaran sebagai apa yang berlaku	Nilaian umum	Citarasa umum
Eksistensialisme	Alam kewujudan	Kebenaran sebagai Pilihan individu	Berlandaskan kepada kebebasan Individu	Penjelmaan daripada norma- norma Masyarakat

Sumber: Morris, Van Cleve, *Philosophy and the American School*, Houghton Mifflin Co., New York, 1961

Lampiran III

Mazhab FALSAFAH	Cabang	Falsafah	Pelapor
	METAFIZIK	EPITEMOLOGI	AKSIOLOGI
Idealisme	Realiti ialah kerohanian atau mental.	Mengetahui ialah pemikiran kembali idelisme yang tersembunyi.	Nilai adalah muktamad dan kekal abadi.
			Berkeley Burler Froebel Plato Radhakrishnan
Realisme	Realiti adalah objektif dan terdiri daripada jirim dan bentuk.	Mengetahui ialah mengenai rasa dan membuat kesimpulan.	Nilai adalah muktamad dan kekal, berdasarkan undang-undang semulajadi.
			Aristotle Aquinas Broudy Herbart Martin Pestalozzi
Pragmatisme (Eksperimentalisme)	Realiti ialah interaksi individu dengan persekitaran atau pengalaman.	Mengetahui ialah hasil daripada penggunaan pengalaman yang berkaedah Saintifik.	Nilai adalah realitif, atau tertakluk kepada keadaan.
			Childs Dewey James Pierce
Eksistensialisme	Kewujudan mendahului essence (sari-pati).	Pengetahuan adalah pilihan sendiri.	Nilai dipilih bebas.
			Satre Marcel Morris Soderquist Soltis Russell Moore
Analisa Falsafah	Ditolak kerana tidak dapat disahkan secara empiris.	Pengesahan empiris, atau penganalisaan bahasa mengikut logik.	Dianggap sebagai perasaan yang beremosi.
			Soltis Russell Moore

RAJAH 1

Perhubungan di antara Falsafah-falsafah Umum





BIBLIOGRAFI

Syarifah Alwiah Alsagoff 1984. **Falsafah Pendidikan.**
Kuala Lumpur: Heinemann Educational Book (Asia) Ltd.

Bardon, J.I. & Bennett, v.c. 1974. **School Psychology.**
Englewood Cliffs: Prentice Hall Inc.

Abdul Rahman Aroff & Zakaria Kasa 1987. **Falsafah dan
Konsep Pendidikan.** Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Elias, J.L. & Merriam, S. 1980. **Philosophical Foundations
of Educational.** Florida: Robert E. Krieger Publishing Co.

Ornstein C.A. & Levine, D.U. 1984. **An Introduction to the
Foundations Of Education.** Boston: Houghton Mifflin Co.